

06 MAY 1996

Rancangan-Reaksi (Rangkuman)

PUJIAN DAN SOKONGAN UNTUK RMK7

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7) yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat hari ini menerima pujian dan sokongan para pemimpin dan rakyat.

RMK7 yang akan membawa negara ke ambang abad baru itu disifatkan mempunyai strategi-strategi tepat untuk memantapkan pembangunan negara ke arah menjadi satu kuasa ekonomi dan pada masa yang sama meningkatkan taraf kehidupan rakyat jelata.

Di PULAU PINANG, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata RMK7 amat komprehensif dan merangkumi semua aspek pembangunan dengan penekanan khusus dalam usaha meningkatkan daya saing sektor industri.

Menurut beliau, pengalaman negeri Pulau Pinang sendiri menunjukkan aspek sains dan teknologi serta pembangunan sumber manusia perlu diberi penekanan khusus dan soal ini telah diberi tumpuan oleh kerajaan negeri sejak lima tahun lepas.

Beliau berkata peruntukan yang disediakan bagi projek-projek infrastruktur secara usahasama swasta juga sangat dialu-alukan dan perlu diberi sokongan oleh sektor swasta dan awam.

Mengenai peralihan daripada dasar intensif buruh kepada dasar intensif modal serta teknologi tinggi bagi mengurangkan tenaga kerja, Koh berkata, kerajaan negeri menerusi Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah lama mengamalkan dasar seumpama itu iaitu dengan hanya memilih industri yang bermodal dan berteknologi tinggi untuk melabur di sini.

Di ALOR SETAR, Menteri Besar Tan Sri Haji Osman Aroff yakin strategi-strategi yang disusun untuk RMK7 itu dapat menyerlahkan lagi pembangunan negara.

Beliau juga berpendapat ia mencerminkan keazaman dan kesungguhan kerajaan dalam menghadapi cabaran abad ke-21 nanti.

"Strategi dan matlamat RMK7 juga memberikan tanggungjawab yang berat kepada rakyat kerana bagi menghadapi keadaan dunia di masa depan, kita perlu meningkatkan produktiviti ataupun apa sahaja ... semuanya perlu dilakukan secara besar-besaran dan secara tidak mengasingkan diri atau dilakukan kecil-kecilan," katanya.

Osman berkata kerajaan negeri akan menyesuaikan dasar-dasar pembangunan Kedah agar sehaluan dengan matlamat kebangsaan.

Menurut beliau, negeri itu mempunyai Pelan Tindakan Pembangunan Kedah yang diperkenalkan semasa Rancangan Malaysia Keenam dan pelan itu akan dikaji supaya bersesuaian dengan hasrat kebangsaan bagi menentukan Kedah tidak ketinggalan dalam arus pembangunan.

Ahli akademik Prof Tan Sri Awang Had Salleh menyambut baik pelbagai program dalam RMK7 terutama yang berkaitan dengan pendidikan dan menyifatkan usaha kerajaan untuk mengadakan persekolahan satu sesi sahaja bagi semua sekolah sebagai satu langkah yang bijak.

Dengan satu sesi sahaja, masa yang terluang itu boleh dimanfaatkan untuk pendidikan lain, katanya.

Mengenai langkah menurunkan had umur kanak-kanak untuk memasuki sekolah formal daripada tujuh ke enam tahun, Prof Awang Had berkata amalan itu sudah lama telah dipraktikkan di negara luar dengan kejayaan yang menggalakkan.

Prof Awang Had berkata, usaha kerajaan mendirikan banyak sekolah-sekolah latihan kemahiran bagi mewujudkan negara maju adalah baik kerana negara masih kekurangan pekerja separuh mahir.

Di MELAKA, Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani berkata kerajaan negeri akan membelanjakan sebahagian besar peruntukan RM1,191 juta yang diterimanya bawah RMK7 bagi projek infrastruktur dan industri ke arah mencapai matlamat menjadikan Melaka negeri maju menjelang tahun 2010.

Beliau berkata kerajaan negeri telah mengarahkan semua jabatan dan agensi supaya memastikan semua projek yang mendapat peruntukan bawah RMK7 dilaksanakan mengikut jadual.

Ini kerana hanya 85 peratus peruntukan pada rancangan yang lepas telah dibelanjakan bagi pelaksanaan projek-projek yang dirancangkan, katanya.

Di KUALA TERENGGANU, Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad menyambut baik penekanan yang diberikan kepada pembangunan manusia dan usaha meningkatkan taraf hidup penduduk di bawah rancangan itu.

Ia adalah selaras dengan usaha kerajaan negeri mewujudkan masyarakat yang berilmu dan beriman, katanya.

Wan Mokhtar berkata kerajaan negeri telah melaksanakan pelbagai program bagi mencapai matlamat itu dan yakin RMK7 akan menjadi pemangkin bagi mempercepatkan lagi program itu.

Mengenai langkah kerajaan menumpukan kepada pelaburan berteknologi tinggi dan yang kurang gunakan pekerja, Menteri Besar berkata kerajaan negeri telahpun membuat persediaan untuk menyediakan pekerja-pekerja mahir dengan membuka beberapa pusat latihan termasuk Institut Teknikal Lanjutan Terengganu (TATI) dan Pusat Pembangunan Kemahiran Terengganu (TASDEC).

Tindakan itu akan membantu mengurangkan pekerja asing yang berjumlah kira-kira 2 juta orang di negara ini sekarang, katanya. -- BERNAMA